

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DATIN PADUKA
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI
DI PERASMIAN PERSIDANGAN MINI PARLIMEN
YANG KETIGA DI ODITORIUM DEWAN BANDARAYA
KUALA LUMPUR PADA HARI JUMAAT
22HB. OGOS, 1986 PUKUL 10.00 PAGI

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Mulia Puan Pengerusi Majlis,

Dif-dif Kehormat,

Tuan-tuan, Puan-puan serta kanak-kanak yang dikasihi
sekalian.

Syukur Alhamdulillah dapat saya bersama-sama dengan
tuan-tuan dan puan-puan untuk menyaksikan Persidangan Mini
Parlimen Malaysia yang ketiga ini.

2. Sejak ianya dilancarkan pada bulan Julai 1984,
Persidangan Mini Parlimen ini telah mendapat sambutan hangat
dari kanak-kanak dan mendapat perhatian umum. Kanak-kanak
yang mengambil bahagian dalam persidangan pada kali ini
adalah golongan yang bernasib baik kerana mendapat peluang
menguji bakat mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Anak-anak kita akan mengambil alih teraju pemerintahan
negara pada satu hari nanti. Siapalah tahu ada di antara
mereka yang akan menjadi menteri-menteri kerajaan,

wakil-wakil rakyat dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Dengan demikian kita seharusnya mendidik mereka dari muda dan mengasah bakat kepimpinan mereka. Untuk menjadi seorang pemimpin, maka perlulah seseorang itu mempunyai kebolehan untuk bercakap, berdebat dan berpidato di khalayak ramai. Pada hemat saya kebolehan ini boleh diasah dari awal-awal lagi. Guru-guru dan ibu bapa seharusnya menggalakkan murid-murid sekolah mengambil bahagian dalam kelas-kelas ceramah, kelab-kelab debat dan sebagainya supaya murid-murid berpeluang menguji kebolehan mereka dan tidak merasa kaku dan takut apabila berucap di khalayak ramai.

Tuan-tuan dan puan-puan,

4. Usaha mengadakan mini parlimen ini adalah satu usaha yang baik. Untuk mengekalkan minat terhadap projek ini pada masa hadapan, maka usaha ini sepatutnya juga diadakan di peringkat negeri. Negara kita mempunyai tigabelas dewan undangan negeri, jadi saya syorkan supaya diadakan mini dewan undangan negeri pula. Dengan mengadakan mini dewan undangan negeri maka ramai lagi kanak-kanak boleh mengambil bahagian. Maka dengan itu kanak-kanak di seluruh negara boleh menyertai mini parlimen ini di negeri masing-masing. Saya percaya dengan adanya mini dewan undangan negeri maka projek mini parlimen ini akan berterusan dan tetap kekal di hati sanubari kanak-kanak Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Persidangan Mini Parlimen yang ketiga ini tentulah lebih bermakna kepada peserta-peserta yang akan mengambil bahagian kelak. Saya ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka-mereka yang telah dipilih. Ambilah peluang ini untuk membincangkan isu-isu kepentingan kanak-kanak bersama. Walau bagaimanapun saya ingin mengesyorkan juga supaya peserta-peserta membincang isu-isu kepentingan negara dan mengeluarkan pendapat mengenai masalah-masalah yang

dihadapi oleh negara dan rakyat Malaysia, dari kaca-mata kanak-kanak. Tentulah topik-topik seperti kesesuaian sistem demokrasi berparlimen yang dipraktikan di Malaysia, cara-cara yang baik untuk merapatkan hubungan di antara berbagai kaum, bagaimana hendak merayakan berbagai perayaan di Malaysia, dan sebagainya lebih bermakna dan 'interesting' untuk dibincang dan dibahas oleh peserta-peserta mini parlimen ini.

6. Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Mini Parlimen Ketiga yang telah sudi menjemput saya merasmikan persidangan ini.

7. Dengan sukacitanya saya merasmikan Persidangan Mini Parlimen Malaysia Yang Ketiga ini. Selamat bersidang.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.
